

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/10/2007

Tiada masalah kerjasama dengan Kelantan

KUANTAN 30 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelancaran pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) mendapat sambutan baik ketiga-tiga negeri termasuk kerajaan negeri Kelantan.

Perdana Menteri yang ditanya maklum balas kerajaan Pas Kelantan mengenai projek pembangunan ECER memberitahu, Kerajaan Pusat tidak menghadapi masalah dengan kerajaan negeri itu.

"Tiada masalah kerjasama (menjayakan ECER) dengan Kelantan," kata beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan pelan-

caran Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Peringkat Pahang dan Daerah Mersing, Johor di Padang Malls Perbandaran Kuantan 11 (MPK 11) di sini hari ini.

Beliau berkata, rakyat negeri Kelantan selama ini mahukan pembangunan kerana mereka sudah lama ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain.

"Apa-apa yang hendak dijalankan (pembangunan) di negeri itu oleh Kerajaan Pusat, mereka (rakyat) mahu kita laksanakan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, rakyat di ne-

UM - 31/10/2007
geri itu akan tetap menerima pembangunan daripada ECER itu kerana menjadi matlamat Kerajaan Pusat memastikan semua rakyat di negara ini tidak ketinggalan menikmati.

Ditanya sekiranya ada penentangan atau sabotaj daripada mana-mana pihak di Kelantan mengenai projek ECER itu nanti, beliau memberitahu: "Kita lihat nanti dan saya tidak mahu kata apa-apa."

Berhubung komen sebelum ini mengenai negeri Pahang yang dikatakan telah diketepikan daripada pembangunan Kerajaan Pu-

sat, beliau menegaskan, perkara itu tidak betul kerana pihak yang membuat pandangan itu tidak mengetahui perancangan projek ECER yang akan dilaksanakan.

Mengenai sambutan daripada pelabur asing pula terhadap ECER, beliau berkata, masih terlalu awal untuk mendapatkan maklum balas mengenainya.

Namun, Abdullah berkata, beliau telah ditemui oleh beberapa pelabur besar dari Timur Tengah semasa pelancaran ECER di Kuala Terengganu dan di sini yang berminat dengan pembangunan koridor itu.